

**Rizanizam Abdul Hamid**  
mrizanizam@hmetro.com.my

**K**aum mereka ditindas, dibunuh, dibakar, wanita dirogol dan segala bentuk kekejaman menjadi episod berulang kali yang menimpa etnik Islam Rohingya di Myanmar sejak hampir 80 tahun lalu.

Angka 80 tahun atau lebih tepat 78 tahun bukanlah satu tempoh yang singkat buat dunia meratapi kesedihan tragedi kemanusiaan itu yang dilaporkan meragut nyawa kira-kira 30,000 umat Islam pada Julai 1938.

Sejak itu, dunia terus dihidangkan dengan ulangan siri demi siri keganasan dasar penghapusan etnik itu pada 1942, 1968, 1992, 2012 dan 2015, memaksa mereka melarikan diri ke Bangladesh, Pakistan, Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu, Thailand dan Malaysia.

Pada tahun lalu, masyarakat dunia termasuk rakyat Malaysia digemparkan dengan insiden kapal hanyut yang membawa beratus-ratus pelarian terdiri daripada warga Rohingya yang sedang terkapai-kapai di tengah lautan di antara laut Andaman dan Selat Melaka.

Sungguh menyedihkan pelarian ini terdiri daripada kaum wanita, orang tua serta kanak-kanak yang berada dalam keadaan lemah kerana terputus bekalan makanan serta minuman akibat terlalu

**PELARIAN Muslim Rohingya membawa mayat bayi berusia enam bulan untuk dikebumikan di kem pelarian Teknaf, Bangladesh**



Harian metro

16/12/2016

m/s 32-33

# PELARIAN DI NEGARA SENDIRI

■ **Dianggarkan 120,000 etnik Rohingya lari tinggalkan bumi Myanmar selepas 30,000 nyawa tidak berdosa dibunuh junta tentera**

lama berada di lautan.

Laporan Pesuruhjaya Tinggi Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHCR) menyatakan, lebih daripada 120,000 Rohingya sudah melarikan diri dari Rakhine sejak rusuhan berdarah yang berlaku pada 2012.

Siri kekejaman itu bertukar menjadi tindakan pembersihan etnik minoriti Rohingya oleh tentera Myanmar, selepas beberapa dekad masyarakat itu mengalami pengasingan, penghinaan, gangguan kekerasan, ketakutan dan keganasan.

Masyarakat Islam Rohingya mengalami pencabulan hak asasi manusia sejak pemerintahan kerajaan junta Burma bermula 1978.

Namun, ada yang mengatakan etnik Rohingya mendiami di Myanmar sejak beberapa generasi lalu, telah mengalami diskriminasi dan gangguan kekerasan jauh lebih awal disebabkan ketegangan dengan warga majoriti Buddha di negara berkenaan.


Sekilas mengenai Rohingya, kebanyakan mereka adalah satu kumpulan etnik beragama Islam di utara Rakhine yang terletak di Barat Burma.

Sejarah mencatatkan, mereka sebenarnya adalah penduduk asal Rakhine (yang dahulunya dikenali sebagai Arakan) sehingga membentuk gugusan besar Arakan yang bersempadan dengan Teluk Bengal dan Bangladesh.

Orang Rohingya memiliki persamaan fizikal, bahasa dan budaya dengan orang Asia Selatan, terutamanya orang Benggali.

Malahan, sesetengah orang Rohingya yang menetap di Arakan adalah keturunan Arab, Parsi dan Pashtun yang

**KEADAAN** kem pelarian Rohingya di beberapa kem pelarian haram yang terletak 296 kilometer selatan Dhaka Bangladesh.



berhijrah ke Arakan semasa era pemerintahan Empayar Mughal.

Penderitaan Islam di Myanmar bermula pada 1982 apabila etnik Rohingya diisytiharkan sebagai pendatang asing di negara sendiri seperti yang dilihat melalui undang-undang bersifat perkauman agama

dan penuh diskriminasi, Burma Citizenship Law of 1982.

Undang-undang itu diluluskan pemerintah junta Burma pada 1982 itu mengakibatkan golongan Muslim Rohingya tidak diiktiraf sebagai warganegara, malah diisytihar 'pendatang' di

UNIT RUJUKAN DAN DOKUMENTASI  
DITERIMA  
16 DEC 2016  
U.R.D.  
M.P.P.



SEBAHAGIAN daripada ribuan etnik Rohingya yang hadir pada Himpunan Solidariti Ummah Untuk Rohingya di Kuala Lumpur 4 Disember lalu.



ETNIK Rohingya memegang kertas tulisan Selamatkan Rohingya tanda membantah kekejaman kerajaan Myanmar terhadap umat Islam di Rakhine.



AZRIL Mohd Amin



PELARIAN Rohingya di Malaysia, Noor Alam Abul Fayas yang mempunyai 10 anak sudah menetap di Kampung Tasek tambahan, Ampang sejak 30 tahun lalu.

kemanusiaan lebih daripada sepatutnya tanpa menjejaskan kedaulatan, integriti dan keselamatan negara.

“Bagaimanapun saya percaya, kandungan perjanjian Deklarasi Langkawi yang ditandatangani pada 27 Ogos 2015 adalah satu dokumen yang ‘morally persuasive’ (meyakinkan) menjadi satu asas untuk diangkat sebagai mekanisme usaha pendamaian.

“Di ASEAN tiada lagi mekanisma hak asasi manusia jadi mungkin kalau Deklarasi Langkawi itu boleh jadi satu asas untuk pemimpin negara-negara ASEAN sepakat wujudkan, sebagai contoh ‘mediation’ (perantaraan) formal dalam satu-satu pertelingkahan,” katanya.

Tambahnya, mungkin ada yang berpandangan perbuatan jenayah pembunuhan beramai-ramai atau dalam istilah undang-undang antarabangsa disebut genocide oleh junta tentera Myanmar boleh dibawa ke Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC).

“Malaysia dan Myanmar bukanlah anggota ICC yang ditubuhkan di bawah Statut Rome 2002 justeru adalah tidak relevan untuk membawa kes ini di bawah kuasa ICC.


“Bagaimanapun, masih ada dua pilihan, iaitu satu sama ada rujukan itu dibawa oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu kepada pejabat pendakwa raya ICC.

membawa perubahan.

“Malaysia mungkin kita sudah ke depan seperti Perhimpunan Solidariti Ummah Rohingya 4 Disember lalu yang turut dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak bersama puluhan ribu rakyat.

“Namun negara jiran seperti Indonesia nampaknya masih belum membuat pendirian yang tegas. Brunei, lagilah... jadi dalam isu ini pun nampak kita belum lagi sepakat,” katanya.

Azril yang juga seorang peguam berkata, antara sebab-sebabnya mungkin kerana ASEAN belum



PELARIAN kanak-kanak dan wanita Rohingya beratur untuk mendapatkan bekalan air di Kem Leda di Teknaf, Bangladesh.

tanah air sendiri.

Hak mereka dinafikan. Mereka, ditangkap, dipukul, disiksa, dirogol, dibunuh dan pelbagai kekejaman lain berlaku menyebabkan golongan Muslim Rohingya terpaksa berhijrah dengan menjadi pelarian ke negara-negara lain.

Malaysia antaranya,

merekodkan kira-kira 56,000 etnik Rohingya dan Myanmar pemegang kad pelarian Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Pelarian (UNHCR) sejak hampir 30 tahun lalu.

Persoalannya sejauh manakah negara-negara dunia, khasnya negara

anggota ASEAN mampu memberi tekanan kepada Myanmar dalam mencari titik penyelesaian terhadap isu penindasan etnik Rohingya?

Sedangkan seperti diketahui, Myanmar telah mengeluarkan kenyataan supaya Malaysia tidak campur tangan dalam hal dalam negara itu walaupun tindakan jenayah perang yang dilakukan jelas bertentangan dengan piagam ASEAN.

Ketua Pegawai Eksekutif

Pusat Penyelidikan dan Advokasi Hak Asasi Manusia (CENTHRA), Azril Mohd Amin berkata, laporan UNHCR pada tahun lalu menyebut di Malaysia sahaja dianggarkan 140,000 hingga 150,000 pelarian.

“Namun seperti dilihat, walaupun kutukan dan bantahan dibuat terhadap Myanmar, negara-negara Asia Tenggara khususnya masih gagal melakukan satu tindakan konkrit yang dapat

mempunyai mekanisme perundangan seperti di negara-negara Eropah menyebabkan tindakan menurut saluran undang-undang yang terhad pada satu tahap.

“Sebaliknya kita (ASEAN) terhenti setakat Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN (AHRD) yang dimeterai pada November 2012 yang sekadar bersifat perisytiharan dan tak boleh pergi lebih daripada itu.

“Katakan ada berlakunya apa-apa kejadian pencabulan hak asasi manusia, macam mana kita hendak mengadu, nak failkan tuntutan undang-undang tak boleh sebab kita terhenti setakat itu jadi ianya agak rumit (kompleks),” katanya.

Menurutnya, selain itu sukar untuk Malaysia melaksanakan satu undang-undang domestik yang jelas mengenai kedudukan pelarian kerana Malaysia bukan negara yang telah meratifikasi (pengesahan perjanjian) Konvensyen Pelarian 1951.

Namun, jelasnya, walaupun tidak menjadi ahli Konvensyen Pelarian 1951 seperti Kemboja, Filipina dan juga Timor Leste, Malaysia sentiasa memberikan bantuan

“Cara kedua merujuk pada Artikel 15 dalam Statut Rome yang memperuntukkan pendakwaraya ICC boleh memulakan penyiasatan sekiranya ada alasan asas dan kepercayaan berlakunya genocide atau jenayah perang dan sebagainya,” katanya.

Jika dilihat pada pandangan beliau, usaha ketiga itu sudahpun dilakukan sebuah badan bukan kerajaan (NGO) Rohingya berpusat di Australia pada awal tahun ini. NGO berkenaan telah memfailkan satu aduan agar penyiasatan dapat dimulakan pejabat pendakwaraya ICC.

Buat pertama kalinya juga, pejabat pendakwaraya ICC mengakui dokumen kes berkenaan walaupun sebelum ini dua atau tiga kali telah menolak dan memulangkannya semula dokumen kepada NGO berkenaan.

Justeru, ketika ini hanya menunggu keputusan sama ada pendakwaraya mahu mulakan penyiasatan dan jika mempunyai asas, maka Myanmar tentunya perlu berdepan dengan kemungkinan dakwaan jenayah yang dilakukan sejak bedekad-dekad lalu.